

# Jahit guna dua kaki

■ *Lelaki OKU tanpa kedua-dua tangan cekap bikin pakaian untuk sara keluarga*

lumpuh dari paras pinggang ke bawah dan tiga anak yang normal berusia antara empat hingga 14 tahun.

"Saya mula menjahit selepas menamatkan pengajian di Pusat Pemulihan OKU, Cheras, Kuala Lumpur 30 tahun lalu dan mengambil tempahan baju Melayu, baju wanita serta menjahit seluar jeans.

"Saya mampu menghasilkan sepasang baju Melayu dalam masa sehari dengan upah RM90, selain menjahit jubah wanita dan menjahit seluar jeans serendah RM5.

"Menerusi kerja ini, saya memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM15 sehari dan mampu menyara keluarga.

"Selain itu, saya dan isteri masing-masing mendapat



RAHIM membaiki mesin dan memasang benang pada mesin dengan menggunakan kaki. Gambar kecil, Rahim menunjukkan sijil kecekapan ketukangan menjahit.

bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM400 seorang," katanya ketika ditemui di kedainya di Pulau Chondong.

Menurutnya, dia gemar melakukan kerja sendiri termasuk memandu kereta kerana tidak mahu menyusah-

kan orang lain dan mahu membuktikan OKU juga mampu mencari rezeki untuk keluarga.

"Isteri saya hanya mampu mengesot dan jika keluar, dia menggunakan kerusi roda untuk bergerak," katanya.